

Pindaan beberapa perkara
Perlembagaan negara

Bukan tujuan untuk bunuh demokrasi, kata Mahathir

8.11.1981

KUALA LUMPUR, Jumaat—Pindaan ke atas beberapa perkara dalam perlembagaan negara bukan bertujuan membunuh demokrasi serta melumpuhkan pembangkang di negara ini. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberitahu Dewan Rakyat malam ini.

Sebaliknya, katanya, pindaan-pindaan itu demi kepentingan keselamatan negara yang masih lagi menghadapi anasir "yang menikul senjata dan membunuh bila terdapat peluang berbuat demikian."

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian sewaktu mengulung perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan mengenai rang undang-undang meminda perlembagaan yang dibahaskan hari ini.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, rakyat perlu ingat bahawa walaupun negara ini dalam keadaan aman, ini tidak bermakna Malaysia 100 peratus selamat.

"Kita masih menghadapi ancaman golongan memikul senjata yang mengancam keselamatan kita.

"Kita memerlukan satu undang-undang yang istimewa untuk memerangi golongan sedemikian. Sebab itulah dalam pindaan yang dicadangkan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa mengisytiharkan darurat," katanya.

Cadangan pindaan perkara 150 bertujuan membolehkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat perisytiharan darurat sebelum berlakunya peristiwa sebenar yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan membolehkan Seri Paduka Baginda mengeluarkan perisytiharan-perisytiharan yang berbeza dan selagi perisytiharan tersebut masih berkuatkuasa Yang di-Pertuan Agong boleh membuat ordinar-ordinan semasa kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak bersidang dan ordinar-ordinan itu berkuatkuasa sama seperti yang diluluskan oleh Parlimen.

Selanjutnya, pindaan yang dicadangkan ini juga berhasrat perisytiharan serta ordinar-ordinan itu sewaktu dikuatkuasakan tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah.

Dalam ucapan yang kadangkala disambut dengan sorak gemuruh dari pihak penyokong kerajaan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, adalah silap bagi pihak pembangkang, PAS dan DAP mengatakan demokrasi di negara ini sudah mati.

Katanya, kalau keadaan itu benar sudah tentu pihak pembangkang tidak dapat bersuara di dewan yang memberi hujah, walaupun ada kalanya hujah yang menyimpang dari konteks asalnya.

Katanya: "Dalam mentadbirkan negara sekarang, kerajaan berpendapat, baik mencegah sesuatu kekacauan dari

berlaku, daripada menghukum orang yang melakukan jenayah."

Selanjutnya, beliau menegaskan, negara ini telah mengalami peristiwa 13 Mei. Kerana ketika itu tidak ada peruntukan undang-undang membolehkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat sebelum peristiwa sebenarnya berlaku, ramai rakyat yang terbunuh dan darurat hanya diisytiharkan bila peristiwa itu sudah berlaku.

Katanya, tanda-tanda terbukti ketika itu bahawa kekacauan akan berlaku bila 3 hari sebelum penguasaan oleh pekerja pilihanraya Perikatan terbunuh di Pulau Pinang dan perarakan mayat seorang pekerja golongan kiri diadakan di Kuala Lumpur.

Tapi, katanya, nyawa yang terkorban tidak dapat dipulihkan dan kekacauan tidak dapat disekat kerana tiada peruntukan undang-undang berbuat demikian ketika itu.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir mencabar ahli Kota Setar Datuk Haji Abu Bakar Umar yang mendakwa pindaan ini akan membunuh demokrasi di negara ini.

Katanya, dia mahu mencabar Datuk Abu Bakar menjadikan hujah itu sebagai isu tunggal dan tulen dalam pilihanraya akan datang dan tidak isu "kafir mengkafir", dan lihat sama ada ahli itu akan memenangi pilihanraya itu.